



LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL
(SOCIAL IMPACT ASSESSMENT)
PELAKSANAAN STRATEGI KONSERVASI CAMP FMU10
TERHADAP PENDUDUK KAMPUNG DI LUAR
HUTAN SIMPAN NULUHON TRUSMADI

Disediakan Oleh

Awangku Effendy Pg Mahmud

Kepada

MANAGEMENT PLANNING CORE TEAM (MPCT) FMU10

Ogos 2016

SENARAI KANDUNGAN

	Perkara	Halaman
	SENARAI KANDUNGAN	i
1.	Pengenalan	1
2.	Latarbelakang Sosio-Ekonomi dan Budaya	2
2.1	Lokasi Kampung	2
2.2	Maklumat Komuniti	4
2.3	Kemudahan Asas Kampung	6
2.4	Bahan-Bahan Dari Hutan	12
3.	Penilaian Impak Sosial Pelaksanaan Strategi Konservasi Camp FMU10	13
3.1	Penilaian Impak Sosial terhadap Kualiti Serta Bekalan Air	15
3.2	Penilaian Impak Sosial terhadap Pola Kehidupan Komuniti	16
4.	Rekomendasi dan Mitigasi Penilaian Impak Sosial FMU10	17

1. PENGENALAN

Unit Pengurusan Hutan (Forest Management Unit) 10 melibatkan Hutan Simpan Nuluhon Trusmadi berkeluasan 74,736 ha dan Hutan Simpan Sg. Kiluyu seluas 1,065 ha yang kedua-duanya dalam Kelas 1. Kawasan FMU10 ini ditabir oleh Pejabat Perhutanan Daerah Keningau seluas 47,772 ha dan Pejabat Perhutanan Daerah Tambunan seluas 28,029 ha.

Maklumat mengenai komuniti kampung di sekitar Hutan Simpan Nuluhon Trusmadi dan Hutan Simpan Sg. Kiluyu merupakan aspek penting untuk dimasukkan dalam Pelan Pengurusan Kawasan Konservasi FMU10 (*Conservation Area Management Plan (CAMP) for FMU10*) yang mulai diolah sejak tahun 2006 dibawah pimpinan Timbalan Pengarah Perhutanan (Pengurusan). Dalam CAMP FMU10 telah diluluskan oleh Pengarah Perhutanan Sabah pada awal tahun 2009, maklumat kampung yang sempat dimasukkan dalam pelan tersebut adalah sebanyak enam (6) buah sahaja (Rahim, 2009). Sebanyak dua belas (12) strategi telah dikenalpasti untuk dilaksanakan oleh Management Planning Core Team (MPCT) untuk FMU10 dibawah pimpinan Timbalan Pengarah (Pengurusan) untuk tempoh sepuluh (10) tahun (2009 sehingga 2018). Pengambilan data-data kampung di sekitar kawasan FMU10 adalah antara strategi yang perlu dilaksanakan secara bersama oleh Pejabat Pegawai Perhutanan Tambunan serta Keningau dan juga Bahagian Pengurusan Hutan Lestari (SFM) di Ibupejabat. Kerja-kerja ini adalah di bawah strategi nombor 6 CAMP FMU10 bertajuk "Implement Relevant Social Forestry Activities".

Pada tahun 2012, atas persetujuan MPCT untuk FMU10, yang memerlukan data data tambahan Komuniti Kampung untuk dimasukkan ke dalam penyediaan Revised CAMP FMU10 pada tahun 2013, Bahagian Pengurusan Hutan Lestari (SFM), Ibupejabat Perhutanan telah mengendalikan kerja-kerja SBS di kawasan FMU 10. Kerja berkenaan melibatkan kakitangan lapangan seramai 15 orang dari Pejabat Perhutanan Daerah Keningau, Tambunan, Sook dan Tenom termasuk kakitangan dari Bahagian SFM. Tempoh kerja-kerja survei dijalankan selama 4 bulan dari April hingga Julai 2012. Kajian SBS berkenaan melibatkan sebanyak 18 buah kampung di Daerah Keningau, Sook dan Tambunan. Seramai 343 responden telah berjaya ditemuduga oleh Tim SBS berkenaan.

Bagaimanapun data SBS berkenaan tidak dapat dianalisa dan dirumuskan oleh Bahagian SFM sebelum hujung tahun 2012, atas sebab-sebab kekurangan keupayaan menganalisa serta kesibukan Bahagian berkenaan yang terlibat dengan pengambilan data SBS di kawasan hutan Sabah yang lain. Kelewatan penganalisaan data-data terkutip berkenaan telah membantutkan usaha MPCT FMU10 untuk

menyediakan maklumat terbaharu SBS ke dalam Revised CAMP FMU10 yang telah diluluskan oleh Pengarah Perhutanan Sabah pada awal tahun 2013. Oleh yang demikian maka Penilaian Impak Sosial tidak dapat dilakukan oleh MPCT untuk Revised CAMP FMU10 berkenaan.

Pada suku ketiga tahun 2015, Pengerusi MPCT FMU10 telah menetapkan agar Penganalisaan Data SBS tahun 2012 berkenaan diserahkan kepada khidmat pakar luar. Data-data SBS berkenaan telah siap dianalisa oleh pakar luar berkenaan sebelum penghujung tahun 2015. Pihak MPCT telah menetapkan agar Penilaian Impak Sosial dilakukan serta merta dan tanggungjawab ini telah diserahkan kepada Pegawai Perancang FMMU10, Awangku Effendy Pg Mahmud.

Laporan Penilaian Impak Sosial ini disediakan untuk memenuhi ketetapan oleh MPCT berkenaan. Ianya diolah berdasarkan kepada hasil taburan data SBS pada tahun 2012 yang telah dianalisa oleh pakar luar Jabatan pada akhir tahun 2015. Hasil Penilaian Impak Sosial untuk FMU10 ini merumuskan kepada hanya dua (2) perkara utama yang dilihat sebagai impak relevan untuk ditangani oleh pihak MPCT FMU10 selanjutnya.

Impak sosial utama berkenaan adalah untuk menanggapi kesan pelaksanaan Strategi Konservasi CAMP FMU10 terhadap penduduk kampung mengenai perkara berikut:

1. Impak terhadap kualiti serta bekalan air dan penduduk kampung yang menggunakan sumber air dari Hutan Simpan Nuluhon Trusmadi secara sistem air gravity dan sungai adalah positif dengan pelaksanaan CAMP FMU10 ini.
2. Impak terhadap pola kehidupan sosio-budaya komuniti dengan terlaksananya Strategi Konservasi CAMP FMU10 selanjutnya telah menimbulkan kekangan kepada komuniti daripada bebas memasuki kawasan Hutan Simpan FMU10 untuk pengambilan hidupan liar dan juga bahan-bahan hutan.

2. LATARBELAKANG SOSIO-EKONOMI DAN BUDAYA


2.1 Lokasi Kampung

Sebanyak 18 buah kampung telah terlibat dengan Kajian SBS berkenaan, yang mana telah dibahagikan kepada tiga (3) Zon kawasan serta bacaan kedudukan lokasi GPS untuk senang dikenalpasti sekiranya perlu kelak (Jadual 1 dan Rajah 1). Untuk Zon Keningau, terdapat 7 buah kampung, Zon Sook pula melibatkan sebanyak 9 buah kampung dan Zon Tambunan sebanyak 2 buah kampung terlibat. Kesemua

kampung adalah di luar kawasan Hutan Simpan Nuluhon Trusmadi. Bacaan GPS masing-masing mengesahkan kesahihan lokasi kampung-kampung berkenaan.

Jadual 1: Senarai Kampung Dan Bacaan GPS

No.	Nama Kampung	Daerah	Bacaan GPS	
			N	E
1	Ulu Pangas	Keningau	05 28 38.1	116 17 57.7
2	Kepayan Baru		05 26 44.8	116 16 00.3
3	Linsudan		05 25 11.4	116 15 12.9
4	Luanti		05 24 18.8	116 14 40.0
5	Marasak		05 23 39.4	116 14 22.0
6	Panui		05 23 21.8	116 14 15.6
7	Marapok		05 22 53.6	116 13 58.5
8	Sinua	Sook	05 29 00.4	116 34 34.6
9	Tuawon		05 28 08.7	116 34 12.2
10	Sinaron		05 27 41.5	116 34 34.1
11	Manggarimot		05 27 24.4	116 33 42.4
12	Mansiat		05 27 04.5	116 33 27.7
13	Lalapakon		05 26 56.7	116 33 08.3
14	Seselungan		05 25 57.1	116 32 04.6
15	Nandagan		05 25 34.8	116 31 05.0
16	Mempisas		05 24 11.7	116 29 02.6
17	Ponoburan/Nupakan	Tambunan	05 38 44.9	116 28 16.4
18	Kaingaran		05 38 19.5	116 27 31.3



Rajah 1: Peta Kedudukan 18 Kampung Terlibat Dalam SBS 2012 Mengikut Zon

2.2 Maklumat Komuniti

Sebanyak 16 buah kampung diwujudkan di luar kawasan Hutan Simpan Nuluhon Trusmadi di antara tahun 1915 dan 1977 (Jadual 2). Terdapat dua buah kampung yang tidak diketahui tahun pengujudannya. Bilangan keseluruhan rumah yang didirikan untuk kesemua 18 kampung adalah sebanyak 911 buah, yang dihuni oleh sebanyak 1,201 keluarga yang melibatkan seramai 6,306 penduduk atau individu.


Data perihal umur, jantina, bilangan anak dan lain-lain tidak diambilkira dalam analisa ini kerana difikirkan data dalam Jadual 1 adalah memadai untuk analisa kedua impak utama yang telah dikenalpasti. Seramai 343 individu telah diwawancara oleh Tim SBS FMU10 pada tahun 2012. Angka ini mewakili sebanyak 5.4 peratus daripada keseluruhan penduduk yang terdapat dalam 18 kampung berkenaan. Peratusan ini difikirkan mencukupi untuk mewakili suara ramai penduduk kampung yang dibanci. Rajah 2 menyimpulkan bahawa majoriti mereka adalah petani dengan pendapatan antara RM 101 ke RM 500 (Rajah 3). Ada juga yang berpendapatan antara RM 700 sehingga RM 1,500.

Jadual 2: Taburan Maklumat Kampung Berdasarkan Pengujudannya, Bilangan Rumah, Keluarga, Penduduk Bilangan Responden yang diwawancara

No.	Nama Kampung	Tahun Ujud	Bilangan Rumah (unit)	Bilangan Keluarga	Bilangan Penduduk (orang)	Bilangan Responden (orang)
1	Ulu Pangas	1968	30	43	230	13
2	Kepayan Baru	1960	70	106	500	31
3	Linsudan	1976	66	56	380	15
4	Luanti	1959	51	124	401	28
5	Marasak	1959	42	53	292	15
6	Panui	1968	32	50	250	14
7	Marapok	1958	120	140	900	38
8	Sinua	1945	89	120	623	36
9	Tuawon	1915	45	52	315	17
10	Sinaron	1972	50	51	319	15
11	Manggarimot	1975	39	38	217	12
12	Mansiat	1950	50	50	305	14
13	Lalapakon	1973	48	58	210	16
14	Seselungon	1977	30	37	231	12
15	Nandagan	1962	42	79	376	24
16	Mempisas	1960	18	22	101	7
17	Ponoburan/Nupakan	-	50	67	349	21
18	Kaingaran	-	39	55	307	15
	Jumlah		911	1,201	6,306	343



Rajah 2: Senarai Pekerjaan Tetap Responden



Rajah 3: Pendapatan Responden

2.3 Kemudahan Asas Kampung

Kemudahan asas yang telah dibanci oleh Tim SBS FMU10 adalah merangkumi kemudahan sumber air, elektrik, kemudahan kesihatan dan rumah ibadat serta juga kemudahan tandas dan tatacara pelupusan bahan kumuh dan sampah mereka.

a) Sumber Air

Sumber air berpunca dari Hutan Simpan Nuluhon Trusmadi merupakan kemudahan yang paling banyak digunakan oleh kampung yang dibanci sebagai sumber air minum dan untuk kegunaan seharian mereka (Jadual 3 dan 4).

Sebanyak 17 buah kampung bergantung kepada punca air system air graviti (Jadual 3). Sebanyak 5 buah kampung pula juga bergantung kepada punca air dari sungai, dan hanya sebuah kampung yang diberikan kemudahan oleh Jabatan Air Negeri Sabah.


Sebanyak 16 buah kampung pula mengharapkan punca air graviti untuk kegunaan seharian mereka mencuci dan kegunaan lain. Sebanyak 5 buah kampung juga mengharapkan air sungai untuk kegunaan sehari mereka.

Jadual 3: Sumber Air Minum

No	Nama Kampung	Jabatan Air	Sungai	Air Graviti	Perigi	Air Hujan	Lain-Lain
1	Ulu Pangas	-	-	✓	-	-	-
2	Kepayan Baru	✓	-	✓	-	-	-
3	Linsudan	-	-	✓	-	-	-
4	Luanti	-	✓	✓	-	-	-
5	Marasak	-	-	✓	-	-	-
6	Panui	-	-	✓	-	-	-
7	Marapok	-	✓	✓	-	-	-
8	Sinua	-	✓	✓	-	-	-
9	Tuawon	-	-	✓	-	-	-
10	Sinaron	-	-	✓	-	-	-
11	Manggarimot	-	-	✓	-	-	-
12	Mansiat	-	-	✓	-	-	-
13	Lalapakon	-	✓	-	-	-	-
14	Seselungon	-	-	✓	-	-	-
15	Nandagan	-	-	✓	-	-	-
16	Mempisas	-	✓	✓	-	-	-
17	Ponoburan/ Nupakan	-	-	✓	-	-	-
18	Kaingaran	-	-	✓	-	-	-

Data data dalam Jadual 3 dan 4 serta Rajah 2 dan 3 menyimpulkan bahawa sumber air sistem graviti dan sungai adalah merupakan sumber yang paling penting untuk kehidupan 18 buah kampung yang dibanci. Oleh itu pihak MPCT FMU10 boleh berlapang dada dengan terlaksananya CAMP FMU10 ini mulai 2009 dapat memberikan Impak yang positif kepada kesemua kampung berkenaan. Kesimpulan ini


juga menggambarkan bahwa ketetapan MPCT untuk mengujudkan Zon 3 dalam FMU10 sebagai Kawasan Konservasi Air adalah menepati kehendak serta keperluan penduduk kampung disekitar FMU10 ini.



Rajah 4: Kemudahan Sumber Air yang digunakan oleh Responden

Jadual 4: Sumber Air Untuk Mencuci dan Lain-lain

No	Nama Kampung	Jabatan Air	Sungai	Air Graviti	Perigi	Hujan	Lain-Lain
1	Ulu Pangas	-	-	✓	-	-	-
2	Kepayan Baru	-	-	✓	-	-	-
3	Linsudan	-	-	✓	-	-	-
4	Luanti	-	✓	✓	-	-	-
5	Marasak	-	-	✓	-	-	-
6	Panui	-	-	✓	-	-	-
7	Marapok	-	✓	✓	-	-	-
8	Sinua	-	-	✓	-	-	-
9	Tuawon	-	-	✓	-	-	-
10	Sinaron	-	-	✓	-	-	-
11	Manggarimot	-	-	✓	-	-	-
12	Mansiat	-	✓	-	-	-	-
13	Lalapakon	-	✓	-	-	-	-
14	Seselungon	-	-	✓	-	-	-
15	Nandagan	-	-	✓	-	-	-
16	Mempisas	-	-	✓	-	-	-
17	Ponoburan/ Nupakan	-	-	✓	-	-	-
18	Kaingaran	-	✓	✓	-	-	-



Rajah 5: Persepsi Responden Terhadap Kualiti Air

b) Sumber Elektrik

Sebanyak 10 buah kampung mendapat bekalan elektrik daripada Agensi Pembekal Elektrik Negeri Sabah (SESB), sementara sebanyak 7 buah kampung pula bergantung kepada janakuasa sendiri untuk bekalan elektrik mereka dan sebanyak 3 buah kampung pula yang masih lagi mengharap kepada sumber Lampu Minyak sebagai bekalan elektrik mereka (Jadual 5).

Data bekalan elektrik ini menyimpulkan bahawa penduduk kampung belum sepenuhnya menikmati bekalan elektrik luar bandar yang sepatutnya. Dari segi pelaksanaan CAMP FMU10, perkara ini dilihat mempunyai pengaruh kepada tatacara Awareness Program yang akan dilaksanakan oleh pihak MPCT kelak. Disarankan agar Kampung yang mempunyai bekalan elektrik, penggunaan komputer riba untuk sesi penerangan boleh dilakukan. Sementara untuk kampung yang tiada bekalan dari SESB, perlulah dititik beratkan penggunaan sesi penerangan secara lisan atau poster dan juga penyertaan interaktif.

Jadual 5: Kemudahan Bekalan Elektrik

No	Nama Kampung	SESB	Janakuasa	Lampu Minyak	Lain-Lain
1	Ulu Pangas	✓	-	-	-
2	Kepayan Baru	✓	-	-	-
3	Linsudan	✓	-	-	-
4	Luanti	✓	-	-	-
5	Marasak	✓	✓	-	-
6	Panui	✓	-	-	-
7	Marapok	✓	-	-	-
8	Sinua	-	✓	-	-
9	Tuawon	-	✓	-	-
10	Sinaron	-	-	✓	-
11	Manggarimot	-	✓	✓	-
12	Mansiat	-	✓	-	-
13	Lalapakon	-	-	✓	-
14	Seselungon	-	✓	-	-
15	Nandagan	-	✓	-	-
16	Mempisas	✓	-	-	-
17	Ponoburan/ Nupakan	✓	-	-	-
18	Kaingaran	✓	-	-	-

c) Kemudahan Lain

Hanya 4 buah kampung yang mempunyai kemudahan Klinik Kesihatan Luar bandar. Untuk rumah Ibadah pula kemudahan gereja adalah merupakan majority sebanyak 17 buah kampung, Sementara untuk masjid pula, sebanyak 5 buah kampung mempunyai kemudahan berkenaan. Sebanyak 8 buah kampung pula mempunyai kemudahan Sekolah atau Tadika. Data-data ini juga amat berguna untuk diperhatikan oleh pihak MPCT untuk pelaksanaan Awareness Program di kampong-kampung berkenaan. Secara kasarnya boleh dikatakan bahawa penduduk kampung berkenaan boleh dibawa berunding dengan baik kerana mereka merupakan pengamal agama masing-masing dan hidup berharmoni. Kemudahan tersebut atau kemudahan Sekolah atau Tadika pula boleh dimanfaatkan oleh Tim Awareness Program sebagai pusat untuk sesi penerangan awareness program kelak.

Jadual 6: Kemudahan-Kemudahan Lain

No	Nama Kampung	Klinik	Surau	Gereja	Sekolah Rendah	Tadika
1	Ulu Pangas	-	-	✓	✓	✓
2	Kepayan Baru	-	-	✓	-	✓
3	Linsudan	-	✓	✓	-	✓
4	Luanti	-	-	✓	-	-
5	Marasak	-	-	✓	-	-
6	Panui	-	-	✓	-	-
7	Marapok	✓	-	✓	-	-
8	Sinua	-	-	✓	✓	-
9	Tuawon	-	-	✓	-	-
10	Sinaron	-	✓	✓	✓	✓
11	Manggarimot	✓	-	✓	-	-
12	Mansiat	✓	✓	✓	✓	-
13	Lalapakon	✓	-	-	-	-
14	Seselungon	-	-	✓	-	-
15	Nandagan	-	-	✓	✓	✓
16	Mempisas	-	✓	✓	-	-
17	Ponoburan/ Nupakan	-	-	✓	-	-
18	Kaingaran	-	✓	✓	✓	✓

d) Kemudahan Pelupusan Sampah dan Kumuhan

Berdasarkan data dalam Jadual 7, kesemua Kampung berkenaan melupuskan sampah mereka sendiri samada melalui menanamnya (13 buah kampung) atau secara pembakaran (10 buah kampung). Jadual 8 pula menyimpulkan bahawa pelupusan kumuhan majoriti 10 buah kampung menggunakan sistem tandas lubang berbanding tandas curah atau pun tandas pam.

Data-data ini dapat memberikan kesimpulan bahawa cadangan oleh MPCT untuk mengembangkan keterlibatan kampung-kampung untuk Program Home Stay (Inap Desa) kemungkinan menghadapi rintangan besar dari segi kekurangan kemudahan pelupusan kumuhan di majoriti kampung berkenaan. Perkara ini mungkin perlu diperbaiki sebelum sebarang cadangan Inap Desa dikemukakan ke pihak berwajib. Penaik taraf kemudahan oleh penduduk kampung juga dilihat sebagai satu usaha yang sukar kerana majoriti mereka adalah berpendapatan antara RM 100 – RM 500 sebulan.

Jadual 7: Tatacara Pelupusan Sampah

No	Nama Kampung	Korek Tanah	Majlis Daerah	Membakar	Sungai	Lain-Lain
1	Ulu Pangas	-	-	✓	-	-
2	Kepayan Baru	✓	-	-	-	-
3	Linsudan	✓	-	-	-	-
4	Luanti	-	-	✓	-	-
5	Marasak	✓	-	-	-	-
6	Panui	✓	-	-	-	-
7	Marapok	-	-	✓	-	-
8	Sinua	✓	-	-	-	-
9	Tuawon	✓	-	✓	-	-
10	Sinaron	✓	-	✓	-	-
11	Manggarimot	✓	-	✓	-	-
12	Mansiat	✓	-	-	-	-
13	Lalapakon	✓	-	-	-	-
14	Seselungon	✓	-	✓	-	-
15	Nandagan	✓	-	-	-	-
16	Mempisas	-	-	✓	-	-
17	Ponoburan/ Nupakan	✓	-	✓	-	-
18	Kaingaran	-	-	✓	-	-

Jadual 8: Tatacara Pelupusan Bahan Kumuhan

No	Nama Kampung	Tandas Pam	Tandas Siram	Tandas Lubang	Lain-Lain
1	Ulu Pangas	-	-	✓	-
2	Kepayan Baru	✓	-	-	-
3	Linsudan	-	-	✓	-
4	Luanti	-	-	✓	-
5	Marasak	-	-	✓	-
6	Panui	-	-	✓	-
7	Marapok	-	-	✓	-
8	Sinua	✓	-	-	-
9	Tuawon	✓	✓	✓	-
10	Sinaron	-	-	✓	-
11	Manggarimot	-	✓	✓	-
12	Mansiat	-	✓	-	-
13	Lalapakon	-	-	✓	-
14	Seselungon	-	✓	-	-
15	Nandagan	-	-	✓	-
16	Mempisas	-	✓	-	-
17	Ponoburan/ Nupakan	✓	-	-	-
18	Kaingaran	-	✓	-	-

2.4 Bahan-Bahan Dari Hutan

Data dalam Jadual 9 menyimpulkan bahawa penduduk kampung mungkin bergantung kepada beberapa produk dari Hutan Simpan Nuluhon Trusmadi untuk bahan kegunaan mereka terutamanya untuk acara sembahyang, yakni kayu gaharu. Tim Awareness Program wajar menyelitkan penerangan yang lebih menyeluruh mengenai peranan FMU10 dan juga larangan-larangan yang bersangkutan dengan Hutan Simpan Kelas 1.

Tim pemuliharaan atau penyelidik mungkin dapat memainkan peranan dalam mendidik penduduk kampung tatacara menanam bahan-bahan hutan yang perlu berkenaan di kawasan tanaman atau kebun mereka. Disarankan perkara ini dibincangkan oleh pihak MPCT selanjutnya agar ianya dapat di jadikan sebagai salah satu agenda untuk perbincangan dalam Mesyuarat Komite kampung selanjutnya. Sekiranya kewangan mengizinkan rencana rehabilitasi hutan harus mengambil kira penanaman pokok buah-buahan hutan juga seperti Dalit, durian, rambutan hutan dan lain lain spesies kayu yang bersesuaian dikawasan yang terbakar berdekatan dengan kampung-kampung yang terdekat.

Jadual 9: Senarai Tumbuhan Mengikut Kegunaan Sekitar Kebun/Hutan

Kegunaan	Jenis Tumbuhan
Ubat-ubatan	Tongkat ali, tawawo, suraman, akar2 kayu, binuang, misaikucing, tembiau, hempedu bumi, kodok2, belalai gajah, wadam, mandahasi
Kayu Api	Dahan getah, randagong, kulimpapa, akasia
Rotan	Rotan kecil, rotan saga, podos,
Bahan Binaan	Akasia, kulimpapa, randagong, bangkal, buruni
Kraftangan	Rotan, bambu,saga, buluh, bamban, tombotuan, sumbilig,
Acara Sembahyang	Gaharu
Buah-buahan/ makanan hutan	Rambutan hutan, pisang hutan, maritam lipasu, tarap, langsung, durian, mangga wani, mangga, nangka, cempedak,

Jadual 10: Senarai Binatang Yang Dulunya Dan Sekarang Terdapat Di Hutan Berdekatan

Dulu	Sekarang
Payau	Payau
Babi Hutan	Babi Hutan
Kijang	Kijang
Pelanduk	Pelanduk
Musang	Musang
Tupai	Tupai
Landak	
Beruang	
Harimau Dahan	
Tenggiling	
Binturong	

Jadual 10 menyimpulkan bahawa senarai terdahulu adalah merupakan binatang buruan yang mungkin didapati oleh penduduk kampung sebelum terlaksananya CAMP FMU10 ini. Walaubagaimanapun senarai sekarang berkenaan dapat juga menyimpulkan bahawa aktiviti pemburuan masih dilakukan oleh penduduk kampung. Data berkenaan tidak dapat menyimpulkan kekerapan mahupun bilangan binatang yang diburu oleh penduduk kampung. Tim Awareness Program wajar memberikan penerangan lanjut kepada penduduk kampung tentang larangan memburu di Hutan Simpan Nuluhon Trusmadi dan juga memahamkan mereka perihal binatang-binatang yang terlarang diburu seperti yang termaktub dalam Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar Sabah 1997.

3. PENILAIAN IMPAK SOSIAL PELAKSANAAN STRATEGI KONSERVASI CAMP FMU10

Daripada data-data yang diperolehi oleh Tim SBS FMU10 dia atas dapat disimpulkan perkara berikut:

- Penduduk Kampung yang berjumlah seramai 6,306 yang dibanci oleh Tim SBS FMU10 pada tahun 2012, majoritinya adalah berpendapatan rendah antara RM 100 – RM 500 per bulan.
- Majoriti penduduk kampung mengamalkan kehidupan berharmoni mengikut kepercayaan masing-masing samada Agama Kristian ataupun Islam.
- Hutan Simpan Nuluhoan Trusmadi berperanan penting sebagai kawasan yang membekalkan sumber air bersih untuk kegunaan seharian mereka samada untuk diminum atau untuk maksud pembersihan yang dianggap memuaskan oleh majoriti penduduk kampung yang mengambil air berkenaan melalui sistem air graviti ataupun secara terus dari sungai.
- Perusahaan Inap Desa atau pun Homestay Program dilihat sukar untuk dimajukan atau dicadangkan untuk diusahakan oleh kerana kurangnya fasiliti pembuangan bahan kumuh yang standard di lapan belas (18) buah kampung sekitar Hutan Simpan Nuluhon Trusmadi.

- e) Terdapat tiga (3) buah kampung yang boleh disandarkan sebagai permulaan untuk menyemarakkan aktiviti Eko – Lancong pendakian ke Gunung Trus Madi, yang mana penduduk kampung boleh diambil berkerja sebagai Malim Gunung, Porter maupun sebagai Pengusaha Pelancong kecilan seperti berikut:
 - i. Kampung Kaingran: untuk laluan Wayaan Kaingaran.
 - ii. Kampung Pangas: untuk laluan Wayaan Mastan di Apin-Apin
 - iii. Kampung sinua: untuk laluan Wayaan Mannan
- f) Hutan Simpan Trusmadi juga dijangka telah memberikan pulangan ekonomi kepada penduduk kampung samada sebagai sumber bahan tumbuhan dan juga binatang buruan perlu sebelum ianya dijadikan Kawasan Hutan Simpan Kelas 1 dengan pelaksanaan CAMP FMU10 pada tahun 2009 sehingga kini.
- g) Dengan terlaksananya CAMP FMU10 dan juga larangan pengambilan bahan tumbuhan serta binatang pemburuan, maka peranan penerangan terhadap impak positif usaha Konservasi oleh MPCT FMU10 perlu ditingkatkan dan disebarluaskan oleh Tim Awareness Program.
- h) Terdapat kemudahan-kemudahan yang boleh digunakan oleh Tim Awareness Program untuk memusatkan kerja-kerja penerangan mereka kepada penduduk kampung samada melalui media yang memerlukan sumber berelektik mahupun secara lisan dan gambar sahaja.

Oleh kerana MPCT telah pun melibatkan aktiviti pembangunan eko–lancong untuk para (e) di atas, maka hanya terdapat dua (2) penilaian impak sosial daripada pelaksanaan strategi konservasi CAMP FMU10 terhadap penduduk kampung yang dibanci. Ianya adalah seperti berikut:

- 1) Impak terhadap kualiti serta bekalan air kepada penduduk kampung yang menggunakan sumber air dari Hutan Simpan Nuluhon Trusmadi secara sistem air graviti mahupun melalui pengambilan air sungai secara terus.
- 2) Impak terhadap pola kehidupan sosio-budaya komuniti dengan pelaksanaan Strategi CAMP FMU10 selanjutnya yang melarang sebarang pengambilan bahan tumbuhan ataupun binatang buruan di Hutan Simpan berkenaan.

3.1 Penilaian Impak Sosial Terhadap Kualiti Serta Bekalan Air

Pelaksanaan Strategi Konservasi CAMP FMU10 antara lainnya telah mengariskan pengujudan Zon Konservasi Sumber Air sebagai Zon 3 dalam Hutan Simpan Nuluhon Trusmadi. Ketetapan yang dibuat oleh MPCT pada tahun 2009, sebelum diadakan SBS ini jelas menunjukkan bahwa langkah berkenaan adalah tepat dan besesuaian dengan kemahuan penduduk kampung di sekitar Hutan Simpan ini, supaya sumber air majoriti mereka dipelihara. Oleh itu mungkin ada perlunya pihak MPCT menjalankan kajian serta usaha lanjut lokasi Zon 3 ini untuk dipetakan. Ini adalah untuk memudahkan Tim Aerial Surveillance atau pun Tim Ground Surveillance membuat pemantauan kedudukan kawasan berkenaan dari semasa ke semasa.

Berdasarkan kepada data SBS 2012 seramai 80% responden kampung dibanci menggunakan air graviti sebagai bekalan air mereka dan 15% responden mendapatkan bekalan air melalui sungai (Rajah 2). Berdasarkan kepada data dalam Rajah 3, disimpulkan bahawa majoriti daripada responden (70%) berpuashati dengan kualiti air yang digunakan mereka. Malahan sebanyak 4% responden menyatakan sangat berpuas hati dengan kualiti air yang digunakan berkenaan.

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa seramai 74% penduduk kampung berpuas hati dengan usaha pelaksanaan Strategi Konservasi CAMP FMU10 yang telah menyediakan sumber air bersih yang dituai oleh mereka, sama ada melalui sistem air graviti ataupun melalui pengambilan air sungai terus. Hanya sebanyak 24% responden pula menyatakan bahawa usaha itu tidak memberikan kualiti air yang memuaskan kehendak mereka. Data-data berkenaan bagaimanapun tidak memberikan perincian parameter kualiti air berkenaan.

Oleh itu analisa penilaian impak sosial pelaksanaan strategi konservasi CAMP FMU10 terhadap kualiti serta bekalan air daripada Hutan Simpan Nuluhon Trusmadi kepada penduduk kampung telah memberikan Impak yang lebih positif berbanding impak yang negatif.

3.2 Penilaian Impak Sosial terhadap Pola Kehidupan Komuniti

Data mengenai penggunaan bahan hutan dari Hutan Simpan Nuluhon Trusmadi dalam para 2.4 di atas dapat dilihat bahawa ujudnya kebebasan kepada penduduk kampung untuk memasuki kawasan berkenaan tanpa banyak halangan sebelum terlaksananya Strategi Konservasi CAMP FMU10 pada tahun 2009. Dengan adanya kawalan serta pelaksanaan strategi Konservasi CAMP FMU10 ini, maka kebebasan keluar masuk hutan tersebut telah tersekat dengan adanya rondaan ground maupun aerial surveillance dan juga sesi-sesi penerangan awareness program dan juga aktiviti penandaan sempadan seawal 2007 lagi yang dimulakan oleh Jabatan Perhutanan.

Data di para 2.4 berkenaan bagaimanapun tidak dapat memberikan petanda nyata perihal ketidakbebasan penduduk kampung masuk ke Hutan Simpan Nuluhon Trusmadi. Hasil analisa selanjutnya yang melibatkan aktiviti eko-pelancongan dilihat sebagai sumber maklumat data yang dapat memberikan penilaian Impak sosial yang tepat terhadap rasa ketidakbebasan penduduk kampung memasuki kawasan berkenaan berdasarkan kepada jawapan kekangan yang diberikan oleh responden selanjutnya. Untuk aktiviti eko –pelancongan seramai 257 orang responden, yakni 75 % telah menyatakan bahawa aktiviti tersebut akan memberi kebaikan kepada penduduk kampung, sementara seramai 86 orang responden yakni 25 % menyatakan sebaliknya dengan jangkaan positif dan negatif masing-masing (Jadual 11).

Perkara-perkara yang bertanda dalam Jadual 11 meskipun secara terus merujuk kepada aktiviti eko – pelancongan, ianya juga memberikan pengesahan bahawa dengan terlaksananya strategi Konservasi CAMP FMU10, penduduk akan berasa terkesan dengan penyekatan kemasukkan ke dalam Hutan Simpan Nuluhon Trusmadi berbanding waktu ianya belum dilaksanakan dahulu.

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa dengan pelaksanaan Strategi Konservasi CAMP FMU10 ini, pola kehidupan komuniti terdahulu yang agak bebas memasuki hutan simpan akan terhenti terus. Kemasukan ke dalam hutan simpan akan terkawal dan memerlukan kebenaran masuk daripada Pengarah Perhutanan sewajarnya.

Jadual 11: Jangkaan Impak Positif dan Negatif Aktiviti Eko–Pelancongan Terhadap Penduduk Kampung

Item	Jangkaan Positif	Jangkaan Negatif
1	Peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.	Pembangunan eko-pelancongan hampir sungai berkemungkinan air sungai atau punca air graviti akan tercemar.
2	Menambah pendapatan isi rumah yang terlibat.	Pengawalan yang kerap mengurangkan peluang memburu dan tidak bebas mengambil herba (ubat-ubat tradisional).
3	Mengekalkan keindahan dengan kawasan hutan terpelihara.	Tidak memberi peluang orang kampung jika ada pelancong.
4	Potensi untuk menaiktaraf jalan masuk utama (Kaingaran).	Pelancong luar membawa budaya yang luas atau penyakit.
5	Menaikkan nama kampung dan memperkenalkan budaya setempat.	Tidak lagi bebas untuk bercucuk tanam kerana kawasan sudah masuk kawasan pelancongan/ hutan simpan dan geran tidak dapat dikeluarkan.
6	Peluang mengekal ekosistem, fauna dan flora.	Mudah tercemar kerana pembuangan sampah sarap.
7	Penjagaan daripada pencemaran sumber air Kampung	Mempunyai banyak undang-undang yang perlu dipatuhi.

4.0 REKOMENDASI DAN MITIGASI PENILAIAN IMPAK SOSIAL FMU10

Berikut adalah langkah pengurusan yang disyorkan untuk dilaksanakan oleh MPCT selanjutnya (Jadual 12).

Jadual 12: Langkah Pengurusan dan Mitigasi Penilaian Impak Sosial FMU10

Item	Rekomendasi Sumber Air	Pemantauan
1	Mengadakan Mesyuarat Penubuhan Komiti Kampung bersama Jabatan Perhutanan bagi Daerah Keningau (Zon Sook juga) dan Tambunan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun	Memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan contohnya Malim Gunung dan Porter dalam aktiviti pelancongan
2	Memasukkan Agenda Sumber air gravity dan sungai serta Larangan Memasuki Hutan Simpan sebagai Agenda tetap perbincangan dalam Mesyuarat Komuniti dengan DFO Keningau/Tambunan	Memastikan semua langkah-langkah untuk memulihara dan melindungi kawasan hutan dipatuhi seperti yang ditetapkan dalam Mesyuarat Komuniti
3	Mengadakan program kesedaran tentang kepentingan penjagaan kebersihan sungai dalam hutan simpan dan keperluan sumber air bersih kepada penduduk berkenaan oleh Tim Awareness Program dengan melibatkan Jabatan Kesihatan Negeri	Memastikan langkah-langkah penjagaan persekitaran dan adat resam penduduk tempatan dipatuhi oleh pelawat/pelancong yang datang
4	Jika berlaku pencerobohan kawasan bekalan air, satu perbincangan dengan Ketua Kampung dan penduduk yang terlibat perlu diadakan segera tidak lewat dua (2) minggu daripada aduan diterima.	Memberi kefahaman dan latihan kepada komuniti perihal kepentingan usaha pemuliharaan serta perlindungan kawasan Hutan Simpan Nuluhon Trusmadi dan Sg. Kiluyu oleh Tim Awareness Program.
5	Melaksanakan Strategi Ground dan Aerial Surveillance untuk merangkumi kawasan sumber air atau Zon 3 Pengurusan FMU10	Mendapatkan maklumbalas daripada komuniti tentang keberkesanan latihan atau program kesedaran yang telah diberikan untuk penambahbaikan di masa hadapan oleh Tim Awareness Program
6	Mapping dalam peta kawasan atau Zon 3 Pengurusan FMU10 agar dapat dipantau dengan tepat kedudukan yang terceroboh	Menjalankan lawatan ke kawasan kampung yang dipilih secara rawak untuk memperoleh maklumbalas berkenaan pematuhan larangan memasuki kawasan FMU10.
7	Menyediakan SOP untuk penjagaan sumber sistem graviti dan sungai oleh komuniti dengan persetujuan mereka	Minit Mesyuarat Komuniti dengan DFO Keningau/Tambunan disebarluaskan kepada semua penduduk seboleh mungkin